

**TRADISI PERMAINAN GASING DI SIPITANG
SABAH : KAJIAN TRADISI, TEKNIK
PEMBUATAN, PERMAINAN DAN RAGAM
BENTUK**

**MOHD SUHAIMI MD YASIN
LOKMAN ABDUL SAMAD
PROF MADYA DR ASMIATY AMAT**

**KAJIAN DIKEMUKAKAN UNTUK PENGESAHAN
GERAN SPLB 0029-SSI-2012**

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012/2013**



ABSTRAK

TRADISI PERMAINAN GASING DI SIPITANG SABAH : KAJIAN TRADISI, TEKNIK PEMBUATAN, PERMAINAN DAN RAGAM BENTUK

Masyarakat di Sabah terkenal dengan pelbagai budaya dan kepercayaan dalam kehidupan seharian. Semua ini adalah hasil warisan dan khazanah yang diwarisi secara turun-temurun dalam masyarakat dan salah satunya adalah adat dan tradisi permainan gasing. Sehingga kini masyarakat di sekitar pantai barat Sabah telah terkenal dengan pelbagai suku kaum selain khazanah kesenian permainan gasing hingga menjadi perhatian pelancong dan tidak terlepas juga dari pandangan para pengkaji budaya. Satu daerah di Sabah telah menambat minat kami untuk menghayati corak budaya dan cara hidup mereka berkaitan dengan kesenian gasing iaitu di daerah Sipitang, yang diduduki oleh kebanyakannya kaum Lundayeh, Kedayan dan Brunei. Kegiatan kesenian gasing masyarakat yang terdapat di Sipitang telah memberi impak yang baik dalam proses kehidupan di sekitar daerah tersebut. Kesenian ini terlibat secara langsung dalam sosio budaya kehidupan masyarakat di daerah tersebut. Gasing merupakan satu permainan tradisi yang mempunyai kesenian tersendiri selain memiliki ciri istimewa dalam motif budaya. Ini kerana, gasing di daerah Sipitang membawa identiti tersendiri selain mempunyai latar tradisi lisan yang dapat memperjelaskan kepada masyarakat umum keunikan budaya yang terdapat dibalik penghasilan sesebuah gasing seperti pantang larangnya. Maka, dengan kajian yang dilakukan ianya memberi sumber ilmu baru khususnya dalam penyelidikan etnik dan budaya dalam khususnya tradisi gasing yang seharusnya dipelihara dan didokumentasikan agar tidak lenyap dek zaman.

